

24 AUG 2003

THORANAM TERPANJANG DI MALAYSIA BUKTI SEMANGAT MUHIBBAH

PUTRAJAYA, 24 Ogos (Bernama) -- Semangat muhibbah rakyat berbilang kaum di negara ini sekali lagi terserlah apabila masyarakat Melayu dan Cina turut sama menghasilkan thoranam terpanjang dan sekaligus dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

Seramai kira-kira 200 sukarelawan yang terdiri dari penduduk Putrajaya dan kawasan sekitarnya bertungkus-lumus selama 12 jam menyiapkan thoranam sepanjang 1,083 meter di Taman Putra Perdana, di sini bermula semalam.

Thoranam adalah ikatan yang diperbuat daripada daun muda pokok kelapa yang menjadi hiasan tradisional pada majlis perkahwinan atau perayaan masyarakat India.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diberi penghormatan mengikat thoranam terakhir sebelum diisytiharkan sebagai rekod thoranam terpanjang oleh Malaysia Book of Records.

Presiden Persatuan India-Malaysia Putrajaya dan Cyberjaya (PCMA) V. Valluvan Veloo berkata acara berkenaan diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-46 yang akan disambut buat pertama kalinya di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu pada 31 Ogos.

Aktiviti yang dinamakan Keajaiban Kelapa itu juga seiring dengan semangat Malaysia Boleh cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

SHI LAT